

Pelancong China, Arab dan India dikecualikan visa 30 hari

PM umum kelonggaran tertakluk tapisan keselamatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Zanariah Abd Mutalib dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan pengecualian visa 30 hari kepada pelancong dari China, India serta beberapa negara Arab, termasuk Turkiye dan Jordan mulai 1 Disember ini.

Perdana Menteri berkata, pengecualian itu bagaimanapun, tertakluk kepada tapisan keselamatan bagi semua pelancong dari negara berkenaan yang berhasrat memasuki Malaysia.

“Saya nak mengumumkan kemudahan visa, menambah kemudahan sedia ada bagi negara teluk seperti Arab Saudi, Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Iraq dan Iran dan semua negara Asia Barat, termasuk Turkiye dan Jordan yang pada masa ini menikmati pengecualian kemudahan visa,

“Hari ini saya umumkan, tahun depan (sempena) 50 tahun hubungan diplomatik dengan China, untuk sambut semangat ini, mulai 1 Disember ini, kita beri tam-



Anwar menyampaikan ucapan penggulungan pada Kongres Nasional Keadilan 2023 di PICC, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

bahan dari negara Arab, Turkiye dan Jordan, kemudahan kepada rakyat China dan India, pengecualian visa 30 hari,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penggulungan pada Kongres Nasional Keadilan 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Pelawat milik rekod jenayah dilarang masuk

Anwar berkata, biarpun Malaysia menawarkan kemudahan itu, mana-mana pelawat yang memiliki rekod jenayah atau risiko keganasan, tidak akan dibenarkan memasuki negara ini.

“Ini akan wewenang pasukan keselamatan, manakala kemuda-

han lain akan diumumkan oleh Menteri Dalam Negeri (Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail), mungkin esok,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan Malaysia memiliki hubungan baik dengan negara ASEAN, Jepun, Korea dan India selain China yang memiliki hubungan strategik dengan negara ini.

“Kelmarin, China umum kemudahan pengecualian visa untuk rakyat Malaysia ke negara itu selama 15 hari.

“Setakat ini, pelancongan paling tinggi ke Malaysia adalah Singapura dan Indonesia di ASEAN, tetapi luar ASEAN paling tinggi adalah negara China dan potensi pelancongan dari China amat besar,” katanya.